## SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018
## DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

| | Tajuk | Fokus WPA 21<br>Dasar | Fokus WPA 21<br>Struktur Organisasi | Fokus WPA 21<br>Pelakuan Organisasi | Objektif & Sasaran / KPIs | Keterangan Ringkas | Cabaran & Tindakan Susulan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **KEMENTERIAN PENDIDIKAN** | | | | | | | | |
| **BAHAGIAN BIASISWA** | | | | | | | | |
| 1 | Program Jatidiri Berkat | | | | - | - | - | - |
| 2 | Penelitian Semula Tekad Pemedulian Orang Ramai | | | | - | - | - | - |
| **BAHAGIAN PENDIDIKAN SWASTA** | | | | | | | | |
| 3 | Penyediaan Pelan Strategik Bahagian Pendidikan Swasta (BPS) Bagi Tahun 2018-2022 | | ✓ | | Pelan Strategik BPS 2018-2022 adalah untuk menyelaraskan hala tuju Bahagan Pendidikan Swasta agar sejajar dedngan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022 bagi mencapai Wawasan Negara 2035 | Penyediaan Pelan Strategik BPS melalui misi yang disediakan adalah untuk memastikan perkembangan dan pembangunan pendidikan swasta melalui peraturan yang berkesan dan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti bagi mencapai visi BPS iaitu Pendidikan Swasta yang berkualiti dengan menfokuskan kepada tiga (3) teras utama iaitu (i) *Strenghten Leadership and Governance;* (ii) *Improve and Sustain System-Wide Support* dan (iii) *Teaching and Learning Excellence* . | BPS telahpun dan mengadakan beberapa sesi bengkel dengan kerjasama SePADU bermula Febuari 2018 | 85% Pelan Strategik BPS telah selesai dihasilkan |
| 4 | Program Meningkatkan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Tenaga Pengajar di IPS | | | ✓ | Memastikan maklumat mengenai BTS-TPA kepada semua Pengetua / Guru Besar, Guru Kanan dan Ketua-Ketua Jabatan dan Guru-Guru di Instirusi Pendidikan Swasta (IPS) difahami elalui bengkel yang dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Kenaziran selesai disampaikan untuk dilaksanakan mulau Tahun 2019 | Bahagian maklumat mengenai BTS TPA kepada semua Pengetua / Guru Besar, Guru Kanan dan Ketua-ketua Jabatan dan Guru-Guru di Institusi Pendidikan Swastaa (IPS) difahami melalui bengkel yang dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Kenziran selesai disampaikan untuk dilaksanakan mulai tahun 2019. | **CABARAN**<br>● Kerjasama berterusan daripada phak DI dan sokongan daripada pihak IPS dalam meningkatkan kemahiran dalam penggunaan BPS - TPA<br>● Memastikan semua IPS telah melaksanakan BTS dan menggunakan TPA<br>● Memastikan pengumpulan data dan maklumat TPA diterima daripada lapan (8) Tenaga Pengajar yang terpilih daripada IPS yang terpilih sebagai pilot sebelum dilaratkan kepada semua IPS | 100% Pengendalian latihan bengkel kepada lapan (8) pelatih daripada Tenaga Pengajar Institusi Pendidikan Swasta (IPS) dan empat (4) Pegawai daripada Bahagian Pendidikan Swasta (BPS) telah selesai dilaksanakan. |
| 5 | Penyediaan Risalah Maklumat Mengenai Akta Pendidikan dan Peraturan-Peraturan yang Berkuatkuasa dan Berkaitan dengan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) | | | ✓ | Untuk menyebarluaskan akta dan peraturan pendidikan dan meningkatkan kefahaman IPS terhadap Akta Pendidikan (Penggal 210) dan peraturan-peraturan subsidiari dan seterusnya meningkatkan kepatuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) terhadap Akta dan Peraturan. | Risalah ini adalah bertujuan untuk memberikan maklumat dan seterusnya kefahaman kepada Pemilik / Pengurus / Guru Besar / Pengetua / Pengelola IPS dan pihak-pihak yang berkaitan dengannya terhadap Akta Pendidikan Penggal 210 dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan bagi memastikan kepatuhan terhadap akta dan peraturan-peraturan ini. Dengan itu akan mengurangkan jumlah IPS yang tidak mematuhi akta dan peraturan yang dimaksudkan. | Usaha memantapkan lagi kandungan risalah sedang dikendalikan. Perbincangan mengenai kandungan yang dihasilkan telah diadakan sejak pada awal tahun 2017. Pembaikan dan pengemaskinian terhadap deraf buku risalah berkenaan kini sedang giat diusahakan. | 90% penyediaan deraf buku risalah berkenaan telah selesai dilaksanakan. (Kesediaan buku risalan tertakluk kepada penelitian lanjut etua-ketua unit BPS sebelum dihadapkan ke pihak AGC untuk pengesahan dan kebenaran bagi penerbitan. |
| **UNIT PENDIDIKAN KHAS** | | | | | | | | |
| 6 | Jerayawara Pendidikan Khas 'Anak Adalah Anugerah' | | | ✓ | Memahami amalan pendidikan iklusif dari segi memberi peluang yang sama / *"equal opportunities"* bagi smeua pelajar termasuk pelajar berkeperluan khas di sekolah-sekolah<br><br>Meningkatkan kolaborasi antara ibu bapa / penjaga dengan piak sekolah dan pihak berkepentingan seperti Unit Pendidikan Khas dan lain-lain berkaitan. | Jerayawara bertujuan memberikan pihak sekolah dan juga ibu bapa di dalam tadahan sekolah untuk mendapat maklumat lanjut mengenai pendidikan khas atau untuk mendapat bantuan serta bimbingan yang lebih berkesan agar pelajar berkeperluan khas dapat mencapai potensi maksima mereka | Kesinambungan daripada jerayawara pendidikan khas 'Anak adaah Anugerah Adalah untuk mengadakan larian amal 'Anak adalah Anugerah'. Larian bersempena Hari Antarabangsa bagi orang kelainan Upaya yang disambut setiap tahun pada 03 Disember. | Jerayawara telah diadakan si 35 buah sekolah menengah dari Febuari hingga Mei 2017 telah meningkatkan pengetahuan orang awam mengenai peranan Unit Pendidikan Khas, Sistem Pendidikan Inklusif serta menonjolkan penglibatan dalam sama-sama mendokong keperluan dan bantuan pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas. |
| 7 | Kursus Pengenalan dalan Pendidikan Inklusif 2017 | | | ✓ | Untuk meningkatkan pengetahuan para peserta dalam memenuhi keperluan semua pelajar di sekolah-sekolah inklusif<br><br>Untuk memberikan pendekatan secara "*hands on* " dalam pengajaran / pembelajaran pelajar-pelajar berkenaan<br><br>Berperanan sebagai Guru Pembantu Pembelajaran / *Learning Support Teacher* khususnya bagi mengajar pelajar-pelajar berkeperluan khas | Kursus singkat pengenalan dalam pendidikan inklusif yang mengandungi sejumlah 22 sesi telah disampaikan dari julai hingga oktober 2017 agar dapat melengkapkan guru-guru dengan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran bagi menangani pelajar yang berkeperluan khas di sekolah masing-masing | Guru-guru ini dilantik menadi *Learning Support Teacher* (LST) yang berperanan untuk memberi bantuan dan sokongan yang bersesuaian bagi membolehkan pelajar-pelajar mengikutii pembelajaran berdasarkan kemampuan dan keupaaan masing-masing. Selepas kursus, peserta mengamalkan *"multiplier effect"* dengan guru-guru di sekolah iaitu mengongsisama pengetahuan, dapatan dan kemahiran seta amalan baik yang diperolehi. | Pada Tahun 2017, seramai 80 orang guru telah menamatkan 22 sesi kursus singkat pengenalan pendidikan inklusif dan dilantik sebagai *Learning Support Teacher* (LST) di sekolah masing-masing:<br>● 8 orang guru rendah kerajaan<br>● 26 orang guru menengah kerajaan<br>● 20 guru dari sekolah swasta<br>● 26 guru-guru dari sekolah ugama |

## SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018
## DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

| | Tajuk | Fokus WPA 21 | | | Objektif & Sasaran / KPIs | Keterangan Ringkas | Cabaran & Tindakan Susulan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Dasar | Struktur Organisasi | Pelakuan Organisasi | | | | |
| 8 | Larian Amal 'Anak Adalah Anugerah (AAA)' Sempena Hari Antarabangsa bagi Orang Kelainan Upaya | | | ✓ | Meningkatkan kesedaran awam mengenai pelajar-pelajar yang mempunyai pelbagai keperluan khas di sekolah inklusif serta peluang-peluang yang sedia ada bagi pelajar-pelajar berkenaan<br><br>Memberi pendedahan atau peluang kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas dan masyarakat untuk bersukan dan beriadah demi meningkatkan kesihatan, semangat kesukanan dan hidup bermasyarakat<br><br>Mengutip derma bagi menambah kewangan Tabing IKHLAS khusus bagi membeli peralatan khas dan sumber pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas. | Larian Amal 'Anak Adalah Anugerah' (AAA) yang dikendalikan bersempena Hari Antarabangsa bagi Orang Kelainan Upaya yang disambut setiap tahun pada 03 Disember.<br><br>Kira-kira seramai 1000 peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar termasuk pelajar berkeperluan khas, warga Kementerian Pendidikan dan orang awam telah menyertai larian tersebut pada 03 Febuari 2018. | | Telah mengutip dan menyumbangkan dana te Tabung IKHLAS, Unit Pendidikan Khas bagi membeli peralatan khas dan sumber pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas dan sumber pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk memenuhi keperluan khas mereka, agar pelajar-pelajar tersebut dapat meningkatkan keupayaan serta mencapai potensi mereka ke tahap maksima;<br><br>Telah menyalurab derma yang terkumpul (dari kad kutipan) sebanyak 5% kepada Persatuan *Special Olympics Brunei Darussalam* dan persatuan *Paralympics Brunei Darussalam* |
| 9 | Pertandingan Menghafaz Surah-Surah Lazim bagi Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas Sekolah Menengah | | | ✓ | ● Menjadikan bacaan surah Al-Fatihah dan ayat-ayat lazim sebagai satu rutin harian dan seterusnya menanamkan sifat cintakan Al-Quran<br>● Memaksimakan potensi yang ada dalam diri pelajar bagi mana-mana pelajar yang menjurus kepada hafalan ayat-ayat lazim ataupun yang mempunyai bakat kearah Qari dan Qari'ah<br>● Memupuk dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman beragama melalui pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah menengah<br>● Memastikan pelajar akan dapat menghayati dan mengamalkan didala kehidupan seharian | ● Diperingkat kebangsaan, Pertandingan Menghafaz Surah Surah Lazim telah diadakan untuk memupuk minat pelajar-pelajar berkeperluan khas sekolah menengah menghayati pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan seterusnya dapat mengasah bakat dan kebolehan merekan dalam bidang penghafazan ayat-ayat lazim.<br>● Pertandingan ini dibukakan kepada pelajar-pelajar yang berdaftar dengan Unit Pendidikan Khas yang menuntut disemua sekolah menengan di Negara Brunei Darussalam | Pertandingan berkenaan akan diteruskan bagi mendokong amalan inklusif dan memastikan anak-anak berkeperluan khas diberikan peluang yang sama rata dengan pelajar lain menguasai bacaan ayat-ayat lazim dan Al-Quran dengan betul. | ● Pertandingan akhir telah diadakan pada 08hb Jun 2017 di dewan Auditorium, UNISSA, Gadong<br>● Seramai 12 orang pelajar berkeperluan khas dari sekolah menengah telah dipilih untuk menyertai pertandingan tersebut ke peringkat separuh akhir<br>● Pemenang pertandingan telah berpeluang mengikuti pengajian menghafaz Al-Quran di Institut Tahfi Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah sejak November 2017 secara separuh masa sekali dalam seminggu pada setiap hari Jumaat. |
| 10 | Bengkel '*Assesment for Learning* ' (AFL) dalam Pendidikan Khas Untuk Pegawai-Pegawau Unit Pendidikan Khas, Guru-Guru *Special Education Needs Assistance* (SENA) dan Guru-Guru *Homeroom* Program Pra Vokasional | | | ✓ | ● 9 Orang pegawai dari Unit Pendidikan Khas dan 12 orang Guru-Guru SENA mengikuti '*Trainers*' bengkel pendekatan AFL<br>● Mendedahkan pendekatan 'AFL' dalam Pendidikan Khas kepada pegawai-pegawai Unit Pendidikan Khas, Guru-Guru SENA dan Guru-Guru *Home room,* senegara<br>● Pendekatan AFL dalam Pendidikan Khas dipraktikkan di sekolah masing-masing | Bengkel pendekatan '*Assessment for Learning* (AFL)' telah dikongsikan oleh Guru Besar, Sekolah Rendah Rimba II kepada 9 orang pegawai Unit Pendidikan Khas dan 12 orang Guru-Guru SENA dengan bertujuan menjadikan pegawai-pegawai dan guru-guru ttersebut sebagai '*Trainers* AFL' dalam Pendidikan Khas | | ● 9 Orang pegawai dari Unit Pendidikan Khas dan 12 orang Guru-Guru SENA telah tamat mengikuti '*Trainers*' bengkel pendekatan AFL pada 13 dan 14hb Febuari 2018 serta 17 dan 23 April 2018<br>● Seterusnya, bengkel AFL untuk pegawai-pegawai Unit Pendidikan Khas, Guru-Guru SENA dan Guru-Guru Homeroom telah dikendalikan dari Mei hingga Ogos 2018 |
| **JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN** | | | | | | | | |
| 11 | Penurunan Kadar Sewa Minima bagi Rumah Sewa Persendirian | ✓ | | | ● Pengemaskinian kadar sewa yang belum diturunkan ke kadar minima<br>● Untuk mengurangkan kos perbelanjaan Kerajaan secara berhemah | Penurunan kadar rumah sewa bagi Kementerian Pendidikan adalah melalui kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri yang mana sebelumnya akan mendapatkan persetujuan dahulu dari Pemilik Rumah Sewa bagi penurunan kadar sewa berkenaan, Sebagai contoh, kelas B daripada kadar sewa lama $2500.00 sebulan ke kadar minima $1851.00 sebulan. | **CABARAN**<br>● Sebilangan tuan punya rumah tidak bersetuju dengan penurunan kadar sewa yang dicadangkan<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>● Ditamatkan penyewaan rumah sewa bagi tuan punya rumah yang tidak bersetuju<br>● Mengambil rumah sewa baru dengan kadar sewa yang minima bagi menggantikan kuota yang telah ditetapkan (dari penamatan penyewaan rumah sewa) | Kos perbelanjaaan yang ditanggung oleh kerajaan dapat dikurangkan secara berperingkat setiap tahun. |

| SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018<br>DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tajuk | Fokus WPA 21 | | | Objektif & Sasaran / KPIs | Keterangan Ringkas | Cabaran & Tindakan Susulan | Pencapaian |
| | | Dasar | Struktur Organisasi | Pelakuan Organisasi | | | | |
| 12 | Projek Penambahbaikan Manual Proses Kerja Perkhidmatan Rancangan Permakanan Sekolah | | ✓ | | ● Harga tuntutan tidak melebihi harga kebenaran yang telah ditetapkan<br>● Borang sebut harga dan tawaran memenuhi mana-mana peraturan dan garispandu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan<br>● *Item* yang disenaraikan dapat diterima dengan baik oleh penuntut serta memenuhi garispandu Kementerian Kesihatan<br>● Pesanan serta pembekalan yang dibuat adalah selaras dengan jadual permakanan yang telah ditetapkan. | Projek ini adalah bagi memastikan proses-prosses kerja melibatkan Perkhidmatan Rancangan Permakanan Sekolah akan dapat mengatasi masalah dan cabaran sebelum ini iaitu:<br>a) Harga tuntutan melebihi dari harga kebenaran<br>b) Pesanan dan pembekalan tidak selaras dengan jadual permakanan<br><br>Pembaharuan dan penambahbaikan telah dilaksanakan ke atas:<br>i) Format borang sebut harga dan tawaran bagi Perkhidmatan Rancangan Permakanan Sekolah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan<br>ii) Jenis-jenis item yang disenaraikan di dalam borang sebut harga dan tawaran bagi Perkhidmatan Ranangan Permakanan Sekolah tersebut<br>iii) Jadual Permakanan | **CABARAN**<br>● *Item* yang sepatutnya dibekalkan tidak dapat diperolehi oleh syarikat<br>● Anggaran keramaian murid sekolah adalah dibawah keramaian sebenar. Ini terutamanya terjadi bagi sekolah-sekolah yang mempunyai kawasan tadahan perumahan baru seperti Lugu, Bukit Beruan dan Mengkubau.<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>● Pihak syarikat hendaklah memaklumkan kepada phak sekolah lebih awal jika tidak dapat membekalkan *item* yang doipesan. Perubahan adalah dibenarkan dengan syarat harga item yang dibekalkan adalah sama atau lebih murah dari yang telah ditetapkan. Item gantian tersebut juga hendaklah di dalam senarai item-item yang boleh dibekalkan.<br>● Pihak Jabatan akan cuba mendapatkan anggaran terkini dari pihak sekolah sebelum mengeluarkan sebut harga atau tawaran, serta pihak jabatan akan meninggikan kadar anggaran keramaian bagi sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti. | ● Format borang sebut harga dan tawaran rancangan permakanan sekolah memenuhi peraturan dangarispandu Kementerian Kewangan<br>● *Item* yang disenaraikan dapat diterima dengan baik oleh penuntu serta memenuhi garispandu Kementerian Kesihatan. |
| **JABATAN SEKOLAH - SEKOLAH** | | | | | | | | |
| 13 | Pembaikan Pengumpulan Data Unit Latihan dan Perkembangan Staf | | ✓ | | Sasaran 80% kerana inpit data bergantung kepada maklumbalas dari jabatan / bahagian / unit yang berkepentingan | Pembaikan pengumpulan data unit latihan dan perkembangan staf<br>1. Data Tenaga Pengajar Mengikut Kelulusan dan Subjek<br>2. Data Tajuk-Tajuk Thesis dan Kertas Kerja Ilmiah Peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah<br>3. Data Penyampai (Fasilitator) Bagi Tajuk-Tajuk Program / Kertas Kerja yang telah dikumpul<br>4. Data Tajuk Kursus dan Latihan serta penyampai kendalian Jabatan Sekolah-Sekolah | | Unit Latihan mempunyai sumber rujukan yang dapat digunakan bagi membantu Unit dalam tugasan |
| 14 | Garispanduan Kriteria Pemilihan untuk Mengikuti Program Latihan / Kursus Jangka Pendek di Luar Negara (seperti SEAMEO dll) | | | ✓ | Sasaran 80% memandangkan pemilihan calon berdasarkan banyak faktor kesesuaiannya, seperti; prestasi, TPA dan bidang) | Pembaharuan ini bertujuan bagi mendapatkan calon-cain yang berpotensi tinggi dan berkelayakan untuk mengikuti program-program latihan tertentu dan diharapkan akan dapat memberikan impak berganda secara menyeluruh dalam bidang-bidang yang telah diikuti. | **CABARAN**<br>● Prestasi calon-calon yang berpotensi tidak mencapai syarat yang ditetapkan pihak BPSTM<br>● Calon-calong yang berpotensi melebihi had umur yang ditetapkan pihak BPSTM | Calon-calon yang terpilih untuk mengikuti latihan / kursus di luar negeri lebih berpotensi dan lebih banyak yang telah membuat *sharing session.* |
| 15 | *Training Need Assessment* (TNA) Bagi Mata-Mata Pelajaran Pilihan (7 Mata Pelajaran) | | | ✓ | | Tujuan pengenalan TNA adalag bagi memastikan latihan yang diikuti oleh guru-furu adalah latihan yang benar-benar diperlukan mengikut keutamaan bukan sahaja dalam *content* tetapi juga pedagogi dan metodologi pengajaran. | | |
| 16 | Program Induksi bagi Guru-Guru Baru Berkhidmat atau Berpindah Tempat Bertugas di Peringkat Sekolah | | | ✓ | | Program ini adalah sebagai pengukuhan bagi Program Induksi di peringkat Kementerian yang merangkumi banyak aspek secara umum. Program Induksi di peringkat sekolah akan memberikan pendedahan kepada guru-guru mengenai hal ehwal pentadbiran dan pengurusan sekolah, kesejahteraan, budaya, etos dan lain-lain yang telah menjadi amalan terbaik di sekolah berkenaan. | | Calon-calon yang terpilih untuk mengikuti latihan / kursus di luar negeri lebih berpotensi dan lebih banyak yang telah membuat *sharing session* |

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018**
**DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

| | Tajuk | Fokus WPA 21 | | | Objektif & Sasaran / KPIs | Keterangan Ringkas | Cabaran & Tindakan Susulan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Dasar | Struktur Organisasi | Pelakuan Organisasi | | | | |
| 17 | Pemantauan dan Penjadualan Pemotongan Rumput di Sekolah-Sekolah Kerajaan | | | ✓ | Pemotongan rumput dilakukan sekurang-kuraangnya sebulan sekali setiap sekolah bagi setiap kluster | Inisiatif menyediakan jadual dan memantau khidmat pemotongan rumput bagi sekolah-sekolah rendah, memengah dan maktab-maktab oleh buruh-buruh sekolah mengikut kluster tdak termasuk padang. Padang sekolah adalah dibawah kawalan Unit Pemeliharan Kawasan dan Padang, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan. | **CABARAN**<br>● Kualiti hasil pemotongan rumput secara purata masih dibawah 60% disebabkan kekurangan buruh manakala kawasan yang perlu dipotong adalah agak luas<br>● Kedatangan buruh disebelah petang kurang daripada 100% disebabkan sebahagian buruh-buruh terlibat perlu mengambil dan menghantar anak ke sekolah Ugama<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>● Pihak sekolah akan mengenal pasti kawasan yang perlu dipotong mengikut keutamaan<br>● Pihak sekolah disarankan untuk memberi teguran kepada buruh-burruh yang gagal hadir memotong rumput di sebelah petang. | |
| **JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM** | | | | | | | | |
| 18 | Buku Bacaan Sejarah Kesultanan Brunei Tahun 6 | | | ✓ | Antara objektif buku-buku bacaan diterbitkan ialah untuk:-<br>● Menggalakkan murid-murid suka membaca bagi mendokong dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dalam menanai inisiatif utama Kementerian Pendidikan yang terkandung dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan (2012 - 2017) ke arah usaha meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi murid-murid di negara ini<br>● Memberi pendedahan kepada murid-murid tentang sejarah zaman silam Brunei<br>● Memupuk semangat kecintaan terhadap sejarah tanah air<br>● Memberi pengetahuan tentang sejarah negara dan mengukuhkan semangat cintakan agama, raja dan negara<br><br>Sasaran: Murid tahun 6 bagi mata pelajaran Social Studies di semua sekolah rendah kerajaan senegara | Buku Baacan Sejarah Kesultanan Brunei Tahun 6 adalah projek kesinambungan daripada penghasilan dan penerbitan Buku Bacaan Sejarah Kesultanan Brunei Tahun 4 dan Buku Bacaan Sejarah Kesultanan Brunei Tahun 5 yang lepas. Set 'Buku Bacaan Sejarah Kesultanan Brunei Tahun 6' ini dijadikan sebagai bacaan asas bagi mata pelajaran *Social Studies* dan mempunyai lima (5) buah tajuk iaitu Cabaran Empayar Kesultanan Brunei sepanjang Abad ke-19; Penyerahan Pulau Lauan 1846, Amanat Sultan Abdul Momin, Perjanjian Perlindungan Inggeris 1888, dan Perjanjian Perlindungan Tambahan 1905 dan 1906. Insya Allah buku-buku berkenan akan diagih-agihkan ke semua sekolah rendah kerajaan senegara dan seterusnya dapat digunapakai pada tahun 2018. | **CABARAN**<br>● Penyelidikan dan pengumpulan maklumat sama ada dalam bentuk tulisan atau ilustasi mengenai sejarah tanah air, serantau dan antarabangsa untuk dijadikan sebagai manuskrip adalah terhad<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>● Pemantauan dan penilaian dalam pelaksanaan penggunaan set 'Buku Bacaan Sejarah Kesultanan Brunei Tahun 6' di semua sekolah rendah kerajaan senegara secara berperingkat | |
| 19 | *Promoting Intercultural Dialogue and A Culture of Peace in South Ease Asia Through Shared Histories* | | | ✓ | ● Membina dan mempromosikan bahan-bahan pendidikan inovatif mengenai sejarah *Southeast Asia*<br>● Memberi pendedahan kepada para guru dan pelajar mengenai penghasilan bahan pengajaran dan pembelajaran iaitu *lesson plans, teaching materials, assessments* dan sebagainya menurut tema-tema sejarah yang disediakan oleh pihak penganjur<br>● Meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan kerja secara berkumpulan dalam kalangan pelajar<br>● Memupuk bakat dan kreativiti pelajar sejajar dengan proses pembelajaran dan membina kemahiran abad ke-21<br><br>Sasaran: Pelajar-pelajar tahun 8 bagi mata pelajaran *Social Studies* di dua buah sekolah rintis iaitu Sekolah Menengah Penggiran Anak Pteri Hajah Masna dan Sekolah Menengah Awang Semaun. | Projek *Promoting Intercultural Dialoge and A Culture of Peace in South East Asia through Shared Histories* adalah projek anjuran United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO). Negara Brunei Darussalam tela terpilih menjadi salahh sebuah negara rintis (*pilot countries* ) bagi melaksanakann projek tersebut bermmula pada bulan Oktober 2016 hingga september 2018. Projek ini telah dikendalikan oleh beberapa buah Jabatan, Universiti dan sekolah rintis dibawah Kementerian Pendidikan iaitu Jabatan Perkembanan Kurikulum, Jabatan Sekolah-Sekolah, Universiti Brunei Darussalam, Sekolah Menengaj Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Sekolah Menengah Awang Semaun dalam menghasilkan bahan-bahan pengaaran dan pembelajaran serta aktiviti bagi mata pelajaran *Social Studiesu* untuk pelajar-pelajar Tahun 8. | **CABARAN**<br>● Para pelajar menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan dan memahami bahan-bahan pembelajaran kerana perisian teks terlalu banyak dan terlalu tinggi bagi tahap pelajar<br>● Penggunaan bahan-bahan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah mengambil masa yang panjang (*time constraint* )<br>● Penggunaan *Internet* di sekolah untuk melayari maklumat melalui laman sesawang adalah terlalu terhad.<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>● Projek susulan iaitu *Dissemination and mainstreaming of materials on Project of Promoting Intercultural Dialoge and A Culture of Peace in Southeast Asia through shared Histories on customised unit material (Lesson Plans, Teaching Material, Assessments, etc) either in a form of printed or digital copy in 2019* akan dilaksanakan pada tahun 2019 | |

| SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018<br>DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tajuk | Fokus WPA 21 | | | Objektif & Sasaran / KPIs | Keterangan Ringkas | Cabaran & Tindakan Susulan | Pencapaian |
| | | Dasar | Struktur Organisasi | Pelakuan Organisasi | | | | |
| 20 | Cabaran Stem dan Inovasi Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan | | | ✓ | ● Memupuk minat pelajar dalam mata pelajaran berteraskan Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM)<br>● Memupuk dan meningkatkan daya kreatif, perkembangan minda, penyelesaian masalah dan inovasi pelajar<br>● Memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pelajar-pelajar berkaitan dengan kerjaya STEM sejak peringkat awal lagi kerana pelajar mempunyai beberapa persepsi bahawa mata pelajaran STEM ini bukan hanya sukar, malah kurang menarik untuk diterokai<br>● Memberi pendedahan kepada pelajar dengan asas-asas kemahiran seperti penyelesaian masalah secara berkumpulan, melakukan penyelidikan, membuat pembentangan *business plan* , pemasaran produk dan lain-lain<br><br>Sasaran: Pelajar-pelajar sekolah menengah, vokasional & teknikal dan mahasiswa-mahasiswi Universiti Teknologi Brunei | Cabaran STEM & Inovasi Reka Bentuk ini merupakan projek keejuruteraan dan reka bentuk yang dipertandingkan secara berpasukan. Cabaran ini memberi peluang, pengalaman dan kemahiran pelbagai disiplin kepada pelajar-pelajar untuk mereka bentuk dan mencipta kereta mini Formula 1 (F1) dengan menggunakan perisian *Autodesk 3d* (CAD) *Computer Aided Design* | **CABARAN**<br>● Beberapa sekolah yang terlibat belum bersedia dari segi infrastruktur<br>● Beberapa sekolah mempunyai masalah *software expired* Sekolah Fasa 1<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>● Pertandinagn ditunda kepada April 2018, kebenaran dipohonkan daripada Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan<br>● Mengadakan lawatan pemantauan secara berperingkat-peringkat ke sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi terlibat. | |
| 21 | Buku Bacaan Inspirasiku dalam Kurikulum Kebangsaan | | | ✓ | ● Meningkatkan kadar literasi pelajar melalui pendidikan<br>● Meningkatkan ilmu dan kefahaman pelajar dalam pelbagai bidang yang khusus mahupun umum<br>● Memperkasa generasi untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dan Konsep Negara Zikir<br>● Menggalakkan program pembelajaran sepanjang hayat<br>● Sebagai wadah dalam menimba ilmu yang boleh membimbing pelajar ke arah kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat | Inisiatif untuk memperkenalkan Buku Bacaan Inspirasiku adalah langkah kehadapan dalam menyediakan pelajar-pelajar yang suka membaca dari peringkat akar umbi iaitu rendah hingga menengah. Buku bacaan ini akan mengetengahkan senarai tajuk-tajuk yang relevan dengan pembangunan negara dan *survival* bangsa sejajar dengan konsep Negara Zikir dan Melayu Islam Beraja. Keistimewaan Buku Bacaan Inspirasiku ini ialah ianya memuatkan hasil penulisan tokoh-tokoh ulama dan cendikiawan tempatan. Adalah diharapkan para pelajar akan terinspirasi dengan gagasan pemikiran penulis--penulis tersebut untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan mereka.<br><br>Buku-buku yang tersenarai dalam kategori Buku Bacaan Inspirasiku merupakan bacaan teras di mana setiap pelajar dimestikan membaca buku tersebut dan dicatat dalam buku pelaporan pelajar. Jabatan Perkembangan Kurikulum bertanggungjawab dari masa ke semasa untuk memilih, menilai dan menguruskan penerbitannya termasuk mengagihkan buku-buku tersebut ke sekolah-sekolah | **CABARAN**<br>● Kekurangan buku-buku bacaan untuk diangkat ke taraf Buku Bacaan Inspirasiku<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>● Pihak Jabatan akan terus berusaha menulis buku berunsurkan sejarah tempatan<br>● Mencari buku-buku yang bersesuian untuk dibeli dan dibekalkan ke sekolah-sekolah | |
| **JABATAN PENDIDIKAN KO KURIKULUM** | | | | | | | | |
| 22 | B-Fit4Life (*Brunei Fit for Life* ) | | | ✓ | ● Meningkatkan tahap kesedara pelajar terhadap gaya hidup dan berat badan yang sihat<br>● Meningkatkan pengetahuan pelajar tentang kemahiran hidup untuk mengatasi pencegahan berat badan<br>● Perubahan tingkah laku positif dalam pengambilan makanan dan senaman fizikal<br>● Meningkatkan peratusan pelajar yang mengamalkan pemakanan sihat dan memenuhi tahap aktiviti fizikal yang disyorkan<br>● Membuat persekitaran sekolah yang menggalakkan pengambilan makan yang sihat<br>● Mengawal atau mengurangkan peningkatan prevalen obesiti di sekolah | ● Program Kecergasan dan Kesihatan yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan KoKurikulum bersama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama<br>● Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dikalangan remaja sekolah yang mempunyai berat badan berlebihan dengan cara mengamalkan gaya hidup sihat yang berpanjangan dan sekaligus diharapkan dapat mengawal kenaikkan prevalen obesiti dikalangan penuntut-penuntut sekolah.<br>● Objektif program tersebut dirancang akan dicapai melalui bateri ujian, sesi pembelajaran, motivasi dan aktiviti kumpulan dan melalui kaedah sokongan rakan sebaya. Disamping itu juga program ini akan memudahcara beberapa strateji dan pendekatan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan sihat | **CABARAN**<br>● Tempat untuk melaksanakan aktiviti<br>● Kekangan masa bagi beberapa buah sekolah<br>● Kekurangan tenaga pakar untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan permakanan dan aktiviti fizikal<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>● Menganalisa data yang diperolehi dari sekolah-sekolah yang menyertai projek ini<br>● Menentukan penambahbaikan atau pengubahsuaian mengikut keperluan | |

| | Tajuk | Fokus WPA 21 Dasar | Struktur Organisasi | Pelakuan Organisasi | Objektif & Sasaran / KPIs | Keterangan Ringkas | Cabaran & Tindakan Susulan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | ● 2 Komponen Utama, iaitu:<br>a. Perlaksanaan Ujian Kecergasan Jasmani bagi pelajar tahun 4 dan tahun 7<br>b. Pengambilan BMI dan aktiviti intervensi bagi pelajar-pelajar obes. | | |
| **JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH - SEKOLAH** | | | | | | | | |
